

**Golongan Gelandangan Sasaran Utama Sistem Kupon Makanan – Sharizat Bernama
Ogos 01, 2011**

KUALA LUMPUR, 1 Ogos (Bernama) -- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat akan menjadikan golongan gelandangan sasaran utama sekiranya kerajaan melaksanakan sistem kupon makanan pada masa akan datang.

Menteri berkenaan Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil berkata pemberian sistem kupon itu merupakan antara cara terbaik bagi memastikan bantuan kepada golongan kurang bernasib baik ke arah mencapai matlamat Bidang Keberhasilan Utama Negara yang ketujuh iaitu Kos Hidup.

"Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dan timbalannya Tan Sri Muhyiddin Yassin sedang membincangkan perkara berkenaan dan sekiranya ia diluluskan, ia akan diumumkan kelak.

"Mungkin kupon makanan adalah cara untuk membantu golongan berpendapatan rendah dan miskin, dan jika ia menjadi kenyataan golongan gelandangan mestilah menjadi golongan pertama diberi keutamaan," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Shahrizat berkata demikian selepas menyampaikan juadah berbuka puasa kepada golongan itu di Anjung Singgah, pusat sehenti intervensi bagi menangani golongan gelandangan yang terletak di Jalan Hang Lekiu, di sini.

Shahrizat berkata pusat itu akan menyediakan dan mengagihkan juadah berbuka puasa sepanjang bulan Ramadan, termasuk kepada golongan kurang bernasib baik daripada kaum lain.

Anjung Singgah, projek perintis melibatkan kerajaan dan Yayasan Kebajikan Negara (YKN) bagi menangani masalah gelandangan di negara ini, memulakan operasi 9 April lepas dan boleh menampung 76 penghuni lelaki dan perempuan pada satu-satu masa.

Pusat itu yang turut berfungsi sebagai tempat rujukan menerima pendaftaran seramai 213 orang lelaki dan 37 wanita sehingga 25 Julai lepas.

Pada majlis itu, sebanyak 700 bungkusan makanan serta pelbagai barangan keperluan seperti tuala, peti kecemasan dan produk penjagaan diri diagihkan kepada golongan gelandangan dari seluruh ibu negara dalam program anjuran kementerian tersebut, YKN dan Puspanita.

-- BERNAMA

Hakcipta Terpelihara © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsgeneral.php?id=605399>